



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI**

ASAS KEUSAHAWANAN (ETR300)

INDAH SAUJANA ENTERPRISE

DISEDIAKAN OLEH:

FAZILAH BINTI AZMI

KHAIRIAH BINTI IDRIS

NAZAHYAH BINTI ISMAIL

RUSFIZA BINTI AHMAD

ZAITON BINTI ABD. MALIK

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	1
Surat Serahan	2
Surat Perjanjian Perkongsian(Syarat-syarat Perjanjian)	3
Logo	5
Huraian Logo	6
1. Pengenalan	7
2. Tujuan Penyediaan Rancangan Perniagaan	9
3 Pengenalan Syarikat	10
4. Lokasi Tapak Perniagaan	12
5. Latar Belakang Perniagaan	13
6. Latar Belakang Ahli Kongsi	14
7. Profil Industri	19
7.1 Fungsi- Fungsi Lanskap dan Penanaman	21
8. RANCANGAN ORGANISASI	
8.1 Misi	23
8.2 Matlamat	23
8.3 Strategi	23
8.4 Carta Organisasi	24
8.5 Perancangan Personel	
8.5.1 Deskripsi Tugas	25
8.5.2 Senarai Kakitangan Pentadbiran & Kelayakan	30
8.6 Susun Atur Ruang Pejabat	32
8.7 Belanja Pentadbiran	
8.7.1 Rancangan Keperluan Pejabat & Kelengkapan	33
8.7.2 Imbuhan Balas Jasa dan Insentif Pekerja	34
8.7.3 Jadual Perbelanjaan Pentadbiran	36
9. RANCANGAN PEMASARAN	
9.1 Analisa Produk/Perkhidmatan	37
9.2 Sasaran Pasaran	38
9.3 Saiz Pasaran	39
9.4 Senarai Nama Pesaing	41
9.4.1 Kekuatan dan Kelemahan Pesaing	43

SURAT SERAHAN

Diploma Pengurusan Bank
UiTM Kampus Kedah
Peti Surat 187
08400 Merbok
Kedah Darul Aman.

25 Mac 2000

Puan Hajah Fatimah Bt. Mat Saman
Pensyarah Tutorial ETR 300
UiTM Kampus Kedah
Peti Surat 187
08400 Merbok
Kedah Darul Aman.

Puan,

PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada perkara di atas kami dengan sukacitanya menyerahkan Rancangan Perniagaan yang bertajuk 'Perkhidmatan Lanskap dan Pemasaran Pokok Hiasan'.

2. Rancangan Perniagaan ini mengandungi penerangan yang lengkap dan jelas mengenai perkhidmatan lanskap dan pemasaran pokok hiasan yang akan kami jalankan. Laporan Rancangan Perniagaan ini juga dapat kami jadikan panduan pada masa hadapan untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan yang sebenar.

3. Kami berharap puan berpuas hati dengan Rancangan Perniagaan yang kami jalankan ini. Kami juga memohon ribuan kemaafan sekiranya terdapat sebarang kelemahan dan kekurangan di dalam penyediaan Rancangan Perniagaan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

FAZILAH BT. AZMI (..........)

KHAIRIAH BT. IDRIS (..........)

NAZAHYAH BT. ISMAIL (..........)

RUSFIZA BT. AHMAD (..........)

ZAITON BT. ABD. MALIK (..........)

1. PENGENALAN

INDAH SAUJANA ENTERPRISE dianggotai oleh lima orang rakan kongsi yang menjadi penggerak dalam memberi perkhidmatan lanskap. Disamping itu, perniagaan ini juga turut memasarkan pokok-pokok hiasan. Usaha ini akan dimulakan pada 1 Januari 2003. Ianya akan didaftarkan di atas nama Indah Saujana Enterprise dan berlokasi di Lot 408-B, Jalan Alor Gunung, 05100 Mergong, Alor Setar, Kedah.

Selain daripada menyediakan kawasan lanskap yang mencukupi, adalah juga wajar setiap cadangan pembangunan turut dilengkapi dengan cadangan pelan lanskap yang disediakan dan direka bentuk oleh profesional yang berkeelayakan dalam bidang lanskap seperti Arkitek Lanskap. Dengan cara ini masalah penyediaan ruang, jarak dan jenis penanaman dapat ditangani. Disamping itu lanskap yang menarik dan berkualiti dapat diwujudkan.

Hasrat mewujudkan persekitaran yang menarik, selesa dan selamat tidak akan tercapai sekiranya pengertian, prinsip, elemen dan fungsi lanskap tidak difahami dengan lebih mendalam. Pemahaman yang jelas dalam bidang lanskap adalah penting supaya ianya tidak disalahertikan sebagai penanaman pokok sahaja. Lanskap merangkumi seni mengolah, mereka bentuk dan mereka cipta situasi yang sesuai dan bertepatan dengan keperluan setempat berdasarkan penggunaan bahan tanaman dan elemen binaan lain.

Lanskap merupakan satu seni hiasan yang sememangnya diperlukan untuk memperindah dan mencantikkan sesuatu kawasan. Tanpa lanskap yang menarik, suasana persekitaran nampak hambar dan ianya pasti tidak akan menarik perhatian orang ramai. Menyedari hakikat ini, kami telah mengambil inisiatif untuk membantu memperindah kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menaikkan nama Malaysia disamping menyahut seruan kerajaan.

Oleh sebab itu kami yakin perniagaan ini akan memberi keuntungan yang memuaskan memandangkan permintaan perkhidmatan lanskap adalah meluas.